

Bil. S 83

**AKTA CUKAI PENDAPATAN  
(PENGGAL 35)**

**PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGELAKAN CUKAI DUA KALI)  
(UNITED KINGDOM OF GREAT BRITAIN AND NORTHERN IRELAND), 2013**

BAHAWASANYA adalah diperuntukkan oleh bab 41(1) dari Akta Cukai Pendapatan bahawa jika Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dalam Majlis Mesyuarat dengan perintah mengisytiharkan bahawa penyusunan yang dinyatakan dalam perintah itu telah dibuat dengan Kerajaan mana-mana negara atau wilayah di luar Negara Brunei Darussalam dengan tujuan untuk memberi pelepasan dari cukai dua kali di bawah Akta itu dan sebarang cukai yang sama jenisnya yang dikenakan oleh undang-undang negara atau wilayah tersebut dan bahawa adalah mustahak supaya penyusunan tersebut berkuatkuasa, maka penyusunan tersebut hendaklah berkuatkuasa berhubung dengan cukai dan perkara lain yang berkaitan di bawah Akta itu dengan tidak menghiraukan sebarang apa pun dalam sebarang undang-undang bertulis.

DAN BAHAWASANYA dengan suatu perjanjian bertarikh 11 haribulan Disember 2012 di antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan the United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland, penyusunan telah dibuat berkaitan dengan pelepasan dari cukai dua kali mengenai perkara-perkara cukai.

OLEH YANG DEMIKIAN MAKA adalah dengan ini diisytiharkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dalam Majlis Mesyuarat bahawa —

(a) perjanjian yang dinyatakan dalam Jadual di bawah ini telah dibuat dengan Kerajaan the United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland; dan

(b) adalah mustahak supaya penyusunan dalam perjanjian tersebut berkuatkuasa.

**JADUAL**

**PERJANJIAN**

**DI ANTARA**

**KERAJAAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**DAN**

**KERAJAAN THE UNITED KINGDOM OF GREAT BRITAIN  
AND NORTHERN IRELAND**

**UNTUK MEMINDA**

**PENYUSUNAN DI ANTARA**

**KERAJAAN BRUNEI DAN HIS MAJESTY'S GOVERNMENT  
BAGI PENGELAKAN CUKAI DUA KALI**

**DAN**

**PENCEGAHAN PELARIAN FISKAL**

**BERKENAAN DENGAN**

**CUKAI-CUKAI KE ATAS PENDAPATAN YANG DIBUAT  
PADA TAHUN 1950,**

**SEBAGAIMANA YANG DIPINDA OLEH PENYUSUNAN  
PADA TAHUN 1968**

**DAN PENYUSUNAN TAMBAHAN PADA TAHUN 1973**

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan the United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland;

Dengan hasrat untuk membuat suatu Perjanjian yang meminda Penyusunan di antara Kerajaan Brunei dan Kerajaan Baginda King bagi Pengelakan Cukai Dua Kali dan Pencegahan Pelarian Fiskal berkenaan dengan Cukai-Cukai ke atas Pendapatan yang dibuat pada tahun 1950, sebagaimana yang dipinda oleh Penyusunan pada tahun 1968 dan Penyusunan Tambahan pada tahun 1973, (selepas ini disebut sebagai "Penyusunan itu");

Telah bersetuju seperti berikut:

**Perkara I**

1. Perenggan (a) dan (b) perenggan kecil (1) perenggan 2 Penyusunan itu hendaklah dipotong dan digantikan dengan perenggan-perenggan baru yang berikut:

“(a) perkataan “United Kingdom” bermakna Great Britain dan Northern Ireland, termasuk mana-mana kawasan di luar laut wilayah United Kingdom yang ditetapkan di bawah undang-undangnya berhubung dengan Pelantar Benua dan menurut undang-undang antarabangsa sebagai suatu kawasan yang di dalamnya hak-hak United Kingdom berkenaan dengan dasar laut dan tanah bawah dan sumber alamnya boleh dijalankan.”

“(b) perkataan “Negara Brunei Darussalam” bermakna wilayah Negara Brunei Darussalam termasuk laut wilayahnya, sehingga meliputi ruang udara di atas wilayah tersebut, yang ke atasnya Negara Brunei Darussalam menjalankan kedaulatan, dan kawasan maritim yang melimpasi laut wilayahnya, termasuk dasar laut dan tanah bawah, yang telah atau mungkin selepas ini ditetapkan di bawah undang-undang Negara Brunei Darussalam, sebagai suatu kawasan yang ke atasnya Negara Brunei Darussalam menjalankan hak kedaulatan dan bidang kuasa menurut undang-undang antarabangsa.”

#### Perkara II

2. Berikut hendaklah ditambah kepada perenggan kecil (1) perenggan 2 Penyusunan itu:

“(1) perkataan “pihak berkuasa yang layak” bermakna:

- (i) dalam hal Negara Brunei Darussalam, Menteri Kewangan atau wakilnya yang diberi kuasa;
- (ii) dalam hal United Kingdom, Pesuruhjaya Hasil dan Kastam Baginda Queen atau wakilnya yang diberi kuasa.”

#### Perkara III

3. Perenggan 13 Penyusunan itu hendaklah dipotong dan digantikan dengan perenggan baru yang berikut:

“13. (1) Pihak-pihak berkuasa yang layak di wilayah-wilayah itu hendaklah bertukar-tukar maklumat yang nampak berkaitan bagi melaksanakan peruntukan-peruntukan Penyusunan ini atau bagi melaksanakan atau menguatkuasakan undang-undang domestik wilayah-wilayah itu berhubung dengan setiap jenis dan perihal cukai yang dikenakan bagi pihak wilayah-wilayah itu, atau sub bahagian politik atau pihak-pihak berkuasa tempatannya, setakat mana pencukaaian di bawahnya tidak bertentangan dengan Penyusunan ini, terutamanya, untuk mencegah fraud dan memudahkan perlaksanaan peruntukan-peruntukan berkanun terhadap pengelakan cukai. Pertukaran maklumat tidak disekat oleh perenggan 1 Penyusunan itu.

(2) Sebarang maklumat yang diterima di bawah perenggan kecil (1) oleh suatu wilayah hendaklah disifatkan sebagai rahsia sama seperti maklumat yang diperolehi di bawah undang-undang domestik wilayah itu dan hendaklah didedahkan hanya kepada orang-orang atau pihak-pihak berkuasa (termasuk mahkamah-mahkamah dan badan-badan pentadbiran) yang terlibat dalam menaksir atau memungut, menguatkuasakan atau mendakwa berkaitan dengan, memutuskan rayuan-rayuan berkenaan dengan, cukai-cukai yang disebut dalam perenggan kecil (1), atau mengawasi perkara yang tersebut di atas. Orang-orang atau pihak-pihak berkuasa tersebut hendaklah menggunakan maklumat itu hanya bagi maksud-maksud tersebut sahaja. Mereka boleh mendedahkan maklumat itu dalam prosiding mahkamah awam atau dalam keputusan kehakiman. Dengan tidak menghiraukan peruntukan-peruntukan yang tersebut di atas, maklumat yang diterima oleh suatu wilayah boleh digunakan bagi maksud-maksud lain apabila maklumat tersebut boleh digunakan bagi maksud-maksud lain itu di bawah undang-undang kedua-dua buah wilayah dan pihak berkuasa yang layak di wilayah yang memberi maklumat itu membenarkan penggunaan tersebut.

(3) Peruntukan-peruntukan perenggan kecil (1) dan (2) tidaklah boleh sekali-kali ditafsirkan sebagai mengenakan kepada suatu wilayah kewajipan:

(a) untuk melaksanakan langkah-langkah pentadbiran yang bercanggah dengan undang-undang dan amalan pentadbiran wilayah itu atau wilayah yang satu lagi;

(b) untuk memberi maklumat yang tidak dapat diperolehi di bawah undang-undang atau dalam perjalanan biasa pentadbiran wilayah itu atau wilayah yang satu lagi;

(c) untuk memberi maklumat yang akan mendedahkan sebarang rahsia perdagangan, perniagaan, perindustrian, komersil atau profesional atau proses perdagangan, atau maklumat, yang pendedahannya adalah bertentangan dengan dasar awam;

(d) untuk mendapatkan atau memberi maklumat yang akan mendedahkan perhubungan rahsia di antara seorang klien dan seorang peguam, peguamcara atau wakil lain di sisi undang-undang yang diterima jika perhubungan tersebut:

(i) dikemukakan bagi tujuan meminta atau memberi nasihat undang-undang atau

(ii) dikemukakan bagi tujuan untuk digunakan dalam prosiding undang-undang sedia ada atau yang dijangkakan.

(4) Jika maklumat diminta oleh suatu wilayah menurut perenggan 13 ini, wilayah yang satu lagi hendaklah menggunakan langkah-langkah mengumpul maklumatnya untuk mendapatkan maklumat yang diminta itu, walaupun wilayah yang satu lagi itu mungkin tidak memerlukan maklumat tersebut bagi maksud-maksud cukainya sendiri. Kewajipan yang terkandung dalam ayat terdahulu adalah tertakluk kepada batasan perenggan kecil (3) tetapi batasan tersebut tidaklah boleh sekali-kali ditafsirkan sebagai membenarkan suatu wilayah untuk enggan memberi maklumat hanya kerana wilayah itu tidak mempunyai kepentingan domestik ke atas maklumat tersebut.

(5) Peruntukan-peruntukan perenggan kecil (3) tidaklah boleh sekali-kali ditafsirkan sebagai membenarkan suatu wilayah untuk enggan memberi maklumat hanya kerana maklumat tersebut dipegang oleh sesebuah bank, institusi kewangan lain, penama atau orang yang bertindak atas sifat sebuah agensi atau seorang fidusiari atau kerana ia berkaitan dengan kepentingan pemunyaan ke atas seseorang.”

#### Perkara IV

4. Protokol yang ditandatangani pada tarikh yang sama dengan Perjanjian ini hendaklah menjadi bahagian yang melengkapkan Penyusunan itu.

#### Perkara V

5. Setiap Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan the United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland hendaklah memberitahu Kerajaan yang satu lagi melalui saluran diplomatik mengenai selesainya prosedur yang dikehendaki oleh undang-undangnya untuk menguatkuasakan Perjanjian itu. Perjanjian itu hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh pemberitahuan yang kemudian dari pemberitahuan-pemberitahuan ini dan hendaklah berkuatkuasa dari tarikh itu.

PADA MENYAKSIKANNYA, wakil-wakil yang bertandatangan di bawah ini, yang telah diberi kuasa oleh Kerajaan-Kerajaan mereka masing-masing, telah menandatangani Perjanjian ini.

Diperbuat dalam dua salinan di London pada hari ini 11 haribulan Disember 2012, dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris, kedua-dua naskhah adalah sama sahnyanya. Sekiranya terdapat sebarang perbezaan tafsiran, maka naskhah dalam bahasa Inggeris hendaklah dipakai.

BAGI PIHAK KERAJAAN  
KEBAWAH DULI YANG MAHA  
MULIA PADUKA SERI BAGINDA  
SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

BAGI PIHAK KERAJAAN  
THE UNITED KINGDOM OF  
GREAT BRITAIN AND  
NORTHERN IRELAND

PROTOKOL DI ANTARA KERAJAAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM DAN KERAJAAN THE UNITED KINGDOM OF GREAT BRITAIN AND NORTHERN IRELAND YANG MEMINDA PENYUSUNAN DI ANTARA KERAJAAN BRUNEI DAN KERAJAAN BAGINDA KING BAGI PENGELAKAN CUKAI DUA KALI DAN PENCEGAHAN PELARIAN FISKAL BERKENAAN DENGAN CUKAI-CUKAI KE ATAS PENDAPATAN YANG DIBUAT PADA TAHUN 1950, SEBAGAIMANA YANG DIPINDA OLEH PENYUSUNAN PADA TAHUN 1968 DAN PENYUSUNAN TAMBAHAN PADA TAHUN 1973

Semasa menandatangani Perjanjian yang meminda Penyusunan di antara Kerajaan Brunei dan Kerajaan Baginda King bagi Pengelakan Cukai Dua Kali dan Pencegahan Pelarian Fiskal berkenaan dengan Cukai-Cukai ke atas Pendapatan yang dibuat pada tahun 1950, sebagaimana yang dipinda oleh Penyusunan pada tahun 1968 dan Penyusunan Tambahan pada tahun 1973, penandatanganan-penandatanganan yang diberi kuasa di bawah ini telah bersetuju dengan peruntukan yang berikut yang akan menjadi bahagian yang melengkapkan Penyusunan itu.

Berkenaan dengan perenggan 13 Penyusunan itu, adalah difahamkan bahawa perenggan kecil (5) perenggan itu tidak menghendaki Brunei untuk memberi maklumat atau dokumentasi yang berkaitan dengan dasar pelaburan dan keputusan strategi, keputusan operasi, lantikan dalaman dan peruntukan sumber atau butir-butir pegangan pelaburan global:

- (i) Autoriti Monetari Brunei Darussalam
- (ii) Agensi Pelaburan Brunei
- (iii) Lembaga Tabung Amanah Pekerja
- (iv) Lembaga Pencen Caruman Tambahan atau
- (v) Mana-mana pihak berkuasa tempatan atau berkanun atau badan berkanun yang dikecualikan dari cukai di Negara Brunei Darussalam.

Adalah difahamkan selanjutnya bahawa senarai institusi ini boleh ditambah dengan persetujuan di antara pihak-pihak berkuasa yang layak.

PADA MENYAKSIKANNYA, wakil-wakil yang bertandatangan di bawah ini, yang telah diberi kuasa oleh Kerajaan-Kerajaan mereka masing-masing, telah menandatangani Protokol.

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

---

Diperbuat dalam dua salinan di London pada hari ini 11 haribulan Disember 2012, dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris, kedua-dua naskhah adalah sama sahnyanya. Sekiranya terdapat sebarang perbezaan tafsiran, maka naskhah dalam bahasa Inggeris hendaklah dipakai.

BAGI PIHAK KERAJAAN  
KEBAWAH DULI YANG MAHA  
MULIA PADUKA SERI BAGINDA  
SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

BAGI PIHAK KERAJAAN  
THE UNITED KINGDOM OF  
GREAT BRITAIN AND  
NORTHERN IRELAND

Diperbuat pada hari ini 19 haribulan Muharram, Tahun Hijrah 1435 bersamaan dengan 23 haribulan November, 2013 di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

PEHIN ORANG KAYA PEKERMA JAYA  
DATO PADUKA HAJI JUDIN BIN HAJI ASAR  
Setiausaha kepada Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri.